



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### SEMPENA MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT DAN PERUNDINGAN WARGA EMAS NEGARA (MPPWEN) BILANGAN 1 TAHUN 2020

#### PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA, 17 DISEMBER 2020** - YB Datuk Seri Rina Binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) Bilangan 1 Tahun 2020.

Beberapa buah cadangan telah dikemukakan sewaktu berlangsungnya Mesyuarat tersebut yang antara lainya:-

- i. Pelaksanaan *Time Bank Volunteering Scheme* Untuk Warga Emas di Malaysia oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Jabatan Perangkaan Malaysia;
- ii. Perubahan Definisi Umur Warga Emas Daripada 60 Tahun Kepada 65 Tahun oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- iii. *Status Private Aged Healthcare Facilities and Services Act 2018 (PAHFAS)* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan
- iv. Kajian dan Penggubalan Akta Pemaju Perumahan Persaraan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Kerajaan turut prihatin kepada keperluan warga emas dan dalam Belanjawan 2021, Kerajaan telah meluluskan kenaikan **Kadar Bantuan Orang Tua (BOT) daripada RM350 kepada RM500**, kenaikan **Bantuan Kewangan Tahunan Pengendalian Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** dari RM33,330.00 kepada RM50,000.00 bagi memperkasakan PAWE. Selain itu, di bawah **Program Khidmat Bantu Di Rumah**, nilai saguhati kepada Sukarelawan turut dinaikkan daripada RM 150.00 kepada RM400.00 dan nilai saguhati kepada klien turut dinaikkan daripada RM30.00 kepada RM80.00.

Beberapa inisiatif secara tidak langsung juga akan diberikan kepada warga emas yang antaranya termasuklah Had Pelepasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjagaan ibu bapa juga akan dinaikkan dari RM5,000 kepada RM8,000. Selain itu, majikan yang menggajikan warga emas juga akan mendapat potongan cukai tambahan sehingga Tahun 2025.

Sistem Pendaftaran dan Pemetaan Warga Emas iaitu Sistem eWe juga telah dibangunkan oleh JKM bagi mengenalpasti demografi, kemahiran, kepakaran dan keperluan warga emas. Sistem ini juga merupakan Pangkalan Data bagi melihat keperluan bekerja semula dan minat warga emas sebagai persediaan ke arah Negara Tua pada tahun 2030.

YB Menteri berharap agar Majlis Penasihat ini akan terus diperkasa dan menjadi platform kepada Kerajaan bagi memenuhi hasrat dalam memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua warga emas di Malaysia.

####

**Disediakan oleh:**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
(KPWKM)**